



## MADIKWE GAME RESERVE & CAPE TOWN

Merupakan salah satu Game Reserve yang terbesar dan dikenali di Afrika Selatan yang bersempadan dengan Botswana. Madikwe Game Reserve juga dianggap sebagai salah satu kawasan pemuliharaan terbaik di Afrika. Terdapat pelbagai spesies hidupan liar didapati dimana ia berjaya memperkenalkan lebih daripada 8000 haiwan daripada 28 spesies termasuk Big 5 (Singa, Gajah, Kerbau, Harimau dan Badak) ke kawasan Madikwe yang sebelum ini telah digunakan untuk pertanian. Malah Game Reserve ini juga merupakan rumah kepada lebih daripada 350 spesies burung dan turut menyediakan rumah penginapan yang mewah serta zon bebas malaria.

Menikmati keindahan landskap tanah gersang dan beralih kepada kecantikan yang subur serta indah Bandar Cape Town yang merupakan bandar kedua terbesar serta menjadi bandar perundangan di Afrika selatan. Cape Town juga merupakan salah satu bandar yang paling ikonik di dunia.



## KEISTIMEWAAN PAKEJ

- Pemandangan pergi dan balik ke KLIA menaiki Toyota Camry atau setaraf.
- Perkhidmatan pegawai semasa proses check in di KLIA.
- Penerbangan Sewa Pesawat Ringan yang dijadualkan:
  - ~ Dari Johannesburg Federal Air Hanger ke Madikwe Game Reserve.
  - ~ Dari Madikwe Game Reserve ke OR Tambo International Airport.
  - ~ Dari OR Tambo International Airport ke Cape Town International Airport.
- Madikwe Safari Lodge, Madikwe Game Reserve (3 malam).
- The Clarendon Bantry Bay, Cape Town, Bilik Superior (3 malam).
- 2 x Game Drive setiap hari semasa di Madikwe Safari Lodge.
- Penyediaan makanan di Madikwe Game Reserve (Fullboard) dan (sarapan pagi) di The Clarendon Bantry Bay Hotel.
- Pemandu / Pemandu Pelancong yang professional.
- Pemandangan pergi dan balik dari lapangan terbang ke hotel secara privasi.
- Aturcara lawatan yang eksklusif secara privasi.
- Insurans perjalanan premier.
- Insurans pemandangan perubahan kecemasan.

## KEUNIKAN & KEISTIMEWAAN LAWATAN

### ● MADIKWE GAME DRIVES

Meredah belukar dua kali sehari dengan menaiki jip yang selesa dan dibantu oleh renjer professional bagi menerokai atau mencari Big Five dan juga haiwan-haiwan menarik yang lain. Di Madikwe terutamanya, anda berpeluang melihat hidupan liar Afrika jadi bersiap sedia untuk melihat dengan mata kasar haiwan menarik ini. Pihak renjer juga akan berbincang dengan anda mengenai haiwan kesukaan yang ingin lihat dahulu sebelum memulakan pencarian untuk anda.

### ● LAWATAN CAPE PENINSULA

Menikmati lawatan satu hari penuh ke Cape Peninsula, bermula daripada Clifton Beach yang dipenuhi dengan kafe. Seterusnya anda akan dibawa ke Hout Bay untuk melihat pemandangan yang menakjubkan di perkampungan bekas nelayan yang berlatarkan pantai dan pemandangan gunung yang indah. Jika berpeluang anda juga dibawa ke Chapman's Peak sebelum menuju ke Cape of Good Hope. Kemudian saksikan Simon's Town yang terkenal dengan pengkalan tentera laut dan gelagat penguin di Boulders Beach.

### ● LAWATAN SEKITAR BANDAR CAPE TOWN & TABLE MOUNTAIN

Menerokai Bandar Cape Town dan berpeluang membeli-belah di salah satu pasar yang tertua di Cape Town iaitu Green Market serta dibawa untuk melihat keunikan rumah yang berwarna warni di Traditional Malay Quarter. Anda juga berpeluang merasai pengalaman yang menarik dengan menaiki kereta kabel ke puncak Table Mountain yang merupakan mercu tanda yang paling ikonik di Afrika Selatan seterusnya menyaksikan panorama yang indah dari atas puncak Table Mountain.



### KENAPA MADIKWE GAME RESERVE & CAPE TOWN

Bebas Dari Malaria / Terkenal dengan Big 5 / "Wild Dog Reserve" / "Spectacular Game Viewing" / "Full board Lodges" / Terdapat lebih 300 spesies burung / Bandar ikonik di dunia / "Spectacular Table Mountain Viewing" / Hotel bertaraf 5 bintang.

#### KEMUDAHAN MADIKWE SAFARI LODGE

Menikmati Safari Lodge mewah yang harmoni lagi sempurna dengan persekitaran semulajadi. Rehatkan minda dan diri anda ke dalam suasana yang indah di Madikwe Safari Lodge setelah menjelajahi padang gurun Afrika.

##### SEMUA LODGE DILENGKAPI DENGAN:

- Mini bar
- Pendiang api
- Kolam renang peribadi
- Penghawa dingin dan kipas
- "Outdoor and Indoor Shower"
- Kenderaan safari 4x4 peribadi disediakan

#### KEMUDAHAN THE CLARENDON BANTRY BAY

Menikmati suasana bilik dengan gaya elegan kontemporari, dimana setiap bilik di The Clarendon mempunyai reka bentuk tersendiri yang dilengkapi dengan sentuhan mewah kemodenan. The Clarendon juga menawarkan keselesaan yang istimewa dan mempunyai pemandangan lautan yang cukup indah.

##### SEMUA BILIK DILENGKAPI DENGAN:

- Mini bar
- TV flat skrin
- Penghawa dingin
- Sambungan Wifi
- Fasiliti untuk membuat kopi dan teh

#### MAKLUMAT PENERBANGAN KE AFRIKA SELATAN (JNB/CPT)

Kuala Lumpur (KLIA) - Johannesburg (OR Tambo)

- South African Airways / Qatar Airways / Emirates / Etihad Airways / Singapore Airline / Turkish Airlines / Cathay Pacific Airways / KLM - Royal Dutch Airlines.

Cape Town (CTIA) - Kuala Lumpur (KLIA)

- South African Airways / Qatar Airways / Qatar / KLM - Royal Dutch Airlines.

#### NOTA PENTING

- Tawaran ini sah untuk minimum 2 orang mendaftar.
- Tarikh perjalanan dan harga tertera di atas adalah sah sehingga 15 Dis 2015.
- Pihak Madikwe Safari Lodge boleh menyediakan makanan halal dengan bayaran tambahan akan dikenakan semasa membuat tempahan.
- Harga yang tertera adalah berdasarkan "Private Transfer/Tour".  
(Private Transfer/Tour : TIDAK PERLU berkongsi pengangkutan dengan pelancong lain, dimana pemindahan dan lawatan adalah khas untuk anda sahaja)

